



■ Penduduk bersama Lip Eng meninjau keadaan tebing sungai yang terjejas.

# Jalan retak, tebing terhakis

Nyawa penduduk Kondo Desa Kiara dalam bahaya

**DAMANSARA** – Keadaan benteng konkrit sungai yang runtuh membimbangkan penduduk Kondominium Desa Kiara dekat sini.

Masalah berlarutan lebih tiga bulan lalu itu turut menyebabkan jalan raya berhampiran sungai mengalami kesan retak.

Sinar Harian semalam menemui beberapa penduduk yang rata-rata tidak berpuas hati dengan keadaan yang berlaku.

Pengurus Harta Badan Pengurusan Bersama (JMB) Kondominium, S Balasubramaniam mendakwa, aduan sudah dipanjangkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), tetapi sehingga kini tiada tindakan diambil.

“Kami takut jika keadaan berterusan, ia boleh menyebabkan perkara tidak diingini berlaku, termasuk keretakan pada bangunan,” katanya.

Menurutnya, JPS ada melawat dan mengambil gambar tebing dan kawasan terjejas di Sungai Penchala.

“Kita mahu pihak berwajib bertindak segera sebelum perkara buruk terjadi. Bagi kami ia masalah amat serius perlu ditangani segera,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Segambut, Lim Lip Eng ketika ditemui memberi jaminan akan menulis surat rasmi kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Chor Chee Heung mengenainya.



■ S BALASUBRAMANIAM

“Saya harap satu perbincangan antara penduduk, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta JPS dapat dibuat bagi mencari penyelesaian terhadap masalah itu,” katanya.

Kondominium Desa Kiara mempunyai 511 unit yang setiap satunya bernilai RM300,000.

Dalam pada itu, Penolong Pengarah Bahagian Korporat Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, Khairul Adzim Saadon memaklumkan pihaknya sudah membawa masalah itu kepada Bahagian Reka Bentuk Empangan JPS Malaysia.

“Masalah ini masih dalam peringkat perbincangan dengan JPS Malaysia dan proses berkenaan mengambil masa sebelum kerja-kerja baik pulih dapat dijalankan,” katanya.



■ Keadaan jalan yang retak didakwa akibat runtuhnya tebing.